



اوتنورسيتي مليسيا قهغ السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
KALI KE- 192 BIL.40/2025**

**PENDAFTARAN KELUAR BILIK KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR BAGI SEMESTER I
SESI AKADEMIK 2025/2026**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

- Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) ke-246 Bil. 11/2024 bertarikh 11 Disember 2024, semua pelajar **DIWAJIBKAN** untuk melakukan proses daftar keluar asrama pada setiap hujung Semester I dengan mengosongkan bilik serta memulangkan kunci di Pejabat Kolej Kediaman masing-masing.
- Pengosongan bilik pada setiap cuti semester adalah bertujuan untuk memberi laluan kepada pelaksanaan **kerja-kerja pemeriksaan dan penyelenggaraan**, serta selaras dengan amalan yang dilaksanakan oleh semua Universiti Awam.
- Sehubungan itu, semua pelajar yang sedang menginap di Kolej Kediaman, UMPSA Kampus Gambang dan Pekan perlu melakukan pendaftaran keluar bilik (*check out*) mulai **17 JANUARI 2026 sehingga 11 FEBRUARI 2026**.
- Semua pelajar adalah **WAJIB** untuk mematuhi perkara di bawah sebelum mendaftar keluar dari bilik masing-masing.

BIL	PERKARA	DENDA (JIKA INKAR)
1	Mengisi permohonan daftar keluar Kolej Kediaman secara dalam talian melalui sistem My Gading Pelajar.	<p>KOMPAUN RM50.00 KOD KESALAHAN NO 6: <i>Ingkar arahan pegawai atau pekerja Universiti (subkaedah 27)</i></p>
2	Memastikan bilik/rumah dalam keadaan yang bersih dan kemas. Perabot dan kelengkapan fasiliti yang disediakan berada dalam susunan asal	
3	Semasa proses daftar keluar, pelajar dikehendaki memastikan set kunci yang lengkap berserta kad akses (khusus untuk pelajar KK4 sahaja) dipulangkan . Di samping itu, pelajar wajib menyerahkan rakaman video bilik sebagai bukti bilik berada dalam keadaan bersih dan kemas, perabot tersusun rapi, kipas dan tandas* telah dibersihkan. Paparan Kad Matrik pelajar hendaklah dilampirkan semasa permulaan rakaman video tersebut. (*) Nota: Pengecualian pembersihan tandas diberikan kepada pelajar siswi Kampus Gambang.	

Makluman Tambahan:

- i. Pelajar **perlu mengosongkan bilik sepenuhnya** semasa proses daftar keluar. Pelajar **tidak dibenarkan meninggalkan sebarang barang peribadi** di dalam bilik.
 - ii. **Stor penyimpanan barang disediakan** dan pelajar perlu berhubung dengan **pihak PEKA Kolej Kediaman masing-masing** bagi urusan penyimpanan.
 - iii. **Lokasi stor penyimpanan barang yang disediakan adalah selaras dengan amalan yang telah dilaksanakan sebelum ini.**
 - iv. **Bilik pelajar bagi Semester 2 adalah kekal sama** seperti bilik yang diduduki pada Semester 1 Sesi Akademik 2025/2026.
5. Semua pelajar adalah **diwajibkan mematuhi etika berpakaian** semasa hadir ke Pejabat bagi setiap urusan Pendaftaran Keluar. Pelajar juga hendaklah **mempamerkan kad matrik** apabila diminta oleh pegawai yang bertugas.

Tarikh	Hari	Waktu Operasi
17 Januari 2026 sehingga 11 Febuari 2026	Isnin - Khamis	9:00 Pagi – 12:30 Tengah hari 2:30 Petang – 4:30 Petang
	Jumaat	9:00 Pagi – 12:00 Tengah hari 3:00 Petang – 4:30 Petang

6. Pelajar dari Sabah dan Sarawak, serta pelajar yang terlibat dengan aktiviti badan beruniform, persatuan atau kelab dengan kelulusan Timbalan Naib Canselor (HEPA), **dibenarkan** menginap di dalam kampus semasa cuti semester dengan bayaran RM100.00. Permohonan boleh dibuat mulai 12 hingga 16 Januari 2026 di Pejabat Kolej Kediaman masing-masing, manakala penempatan bilik akan ditentukan oleh pihak pengurusan kolej tersebut.
7. Bagi sebarang pertanyaan boleh hadir secara terus ke pejabat Kolej Kediaman atau e-mel kepada residen@umpsa.edu.my.

Sekian, harap maklum.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Disediakan oleh:

PUSAT PERKHIDMATAN PELAJAR

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Tarikh: 23 Disember 2025